

جیاتن ۋەشكۈتن دارت
كمىتىرىن ۋەشكۈتن دان اينفوگومونىكاسى



*Soalan-soalan lazim mengenai
perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan
Pengangkutan Darat (JPD) semasa
langkah-langkah pengawalan dari
jangkitan wabak COVID-19
di perketatkan semula*

Kandongan

| | |
|---|----|
| Kaunter-kaunter Perkhidmatan JPD semasa COVID-19 | 3 |
| Permohonan membaharui Lesen Kenderaan (VL) | 3 |
| Permohonan membaharui Lesen Memandu (DL)..... | 5 |
| Perkhidmatan Pesanan Ringkas, (SMS) yang dikeluarkan oleh JPD | 6 |
| Pemeriksaan Kelayakan Kenderaan & Status Stesen-stesen Pemeriksa Kenderaan (<i>Vehicle Inspection Station, VIS</i>) | 7 |
| Pembelajaran Sekolah Memandu..... | 8 |
| Pendaftaran Kenderaan | 8 |
| Perkhidmatan-Perkhidmatan baru dibuka semula melalui drop pandu lalu | 9 |
| Pelesenan Kenderaan Komersial Dan Pengangkutan Awam (PKKPA)..... | 9 |
| Pelekat Pas Kenderaan Daftar Luar Negara (PKDLN)..... | 9 |
| Pengangkutan Awam (Bas Awam dan Teksi/Dart)..... | 10 |
| Tanda Pengenalan Kenderaan..... | 10 |
| Pertanyaan AM | 10 |
| A. Permohonan Perkhidmatan Gantong Bilang Pendaftaran Kenderaan?..... | 11 |
| Dokumen yang diperlukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan drop pandu lalu mengikut jenis perkhidmatan, | 11 |
| Penghantaran proses pertama -Permohonan Gantong | 11 |
| Penghantaran proses kedua-Dokumen yang akan diberikan kemudian..... | 11 |
| B. Permohonan Perkhidmatan Penahanan Bilangan Pendaftaran Kenderaan | 11 |
| C. Permohonan Perkhidmatan Serah Bilangan Pendaftaran Kenderaan | 11 |
| D. Permohonan Perkhidmatan Kenderaan Tidak digunakan (Non-Used Vehicle) | 12 |
| E. Permohonan Perkhidmatan Pembatalan Pendaftaran (Kondem) Kenderaan..... | 12 |
| F. Permohonan Perkhidmatan Tukar Milik Kenderaan | 12 |
| G. Permohonan Perkhidmatan Pinjaman (Loan) dan Menamatkan Pinjaman Kenderaan (Ceased Loan)..... | 13 |
| Permohonan Pinjaman (Loan) | 13 |
| Permohonan Habis Pinjaman (Cease Loan) | 13 |
| H. Permohonan Mendapatkan Lesen Kenderaan/ Membaharui Perkhidmatan Awam | 13 |
| I. Permohonan Mendapatkan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam, Lintas Batas (<i>Cross-Border</i>) 13 | |
| J. Tatacara pembayaran melalui <i>online</i> BIBD bagi perkhidmatan-perkhidmatan JPD. | 14 |
| K. Bagaimana cara membuat tempahan JPD pandu lalu ? | 15 |

Kaunter-kaunter Perkhidmatan JPD semasa COVID-19

S1. Apakah Perkhidmatan-Perkhidmatan JPD yang boleh dibuat sejak 9 Ogos.

Merujuk Kenyataan Media Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) pada 9 Ogos 2021 dan selaras dengan usaha bagi membendung jangkitan wabak COVID-19 di Negara ini, semua kaunter perkhidmatan JPD di kesemua cawangan JPD kecuali di pos-pos kawalan adalah ditutup sementara sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan-perkhidmatan penting (essential services) iaitu permohonan membaharui Lesen Kenderaan (VL), Lesen Memandu (DL) dan Pelekat Pas Kenderaan Daftar Luar Negara (PKDLN) masih diteruskan melalui kaedah dalam talian (online) dan Talian Darussalam, TD123.

Bermula 23 Ogos 2021, perkhidmatan Pendaftaran Kenderaan mula dilaksanakan semula mengikut tatacara yang dipersetujui antara JPD dan Persatuan Peniaga Automobil Brunei (BATA). Pada 14 September 2021, JPD juga telah mula memberikan perkhidmatan ujian bertulis Highway Code dikendalikan secara atas talian.

Seterusnya, pada 21 September 2021, perkhidmatan pendaftaran kenderaan terpakai tempatan dan urusan tukar milik kenderaan juga telah dibuka semula.

Sementara itu bermula, 20 Oktober 2021, JPD telah membuka semula perkhidmatan-perkhidmatan yang ditangguhkan dengan perkhidmatan drop melalui kaedah pandu lalu dan sistem tempahan melalui aplikasi Que-Up seperti:

- Gantong, Penahanan Bilangan Pendaftaran Kenderaan (Holding), Serah Bilangan Pendaftaran Kenderaan dan Kondem;
- Tukar Milik, Pinjaman (Loan) dan Menamatkan Pinjaman Kenderaan (Ceased Load);
- Tiada Penggunaan (Non-Used);
- Tawaran Tertutup (Closed Tender) Tanda Pengenalan (Bilangan Pendaftaran) Kenderaan Khas;
- Perlesenan Kenderaan Komersial dan Pengangkutan Awam dan Permit Kenderaan Lintas Batas;
- Kenderaan Kerajaan (BG);

Untuk garispanduan orang ramai mengenai dengan perkhidmatan drop melalui kaedah pandu lalu, dikongsikan pautan video di laman sesawang www.ipd.gov.bn/Pandulalu.

Permohonan membaharui Lesen Kenderaan (VL)

S2. Bagaimana untuk membaharui VL semasa kaunter JPD ditutup bagi kunjungan orang ramai semasa COVID-19?

Perkhidmatan membaharui VL boleh dibuat melalui kaedah-kaedah berikut:

- Permohonan online melalui aplikasi mudah alih **TransportBN** atau **portal rasmi e-Darussalam** www.gov.bn); atau
- Menghubungi **TD 123** di talian 123 atau Whatsapp TD123 di talian +673 8333123 atau emel TD123 di alamat: info@123.com.bn.

Panduan infografik mengenai tatacara membaharui VL dan DL menggunakan kaedah-kaedah di atas boleh didapati melalui Instagram JPD: [jpdbrunei](https://www.instagram.com/jpdbrunei/).

S3. Bagaimana membuat pembayaran bagi permohonan VL?

Pemohon yang membaharui VL melalui TransportBN atau portal rasmi e-Darussalam boleh

membuat pembayaran terus secara *online* menggunakan kad kredit atau kad debit dengan menekan butang “*Make Online Payment*”, manakala bagi pemohonan melalui TD123 boleh membuat pembayaran melalui aplikasi mudah alih *BIBD Mobile*.

Panduan infografik mengenai tatacara pembayaran melalui aplikasi BIBD Mobile boleh didapati melalui Instagram JPD: [jpdbrunei](#).

S4. Mengapa pembayaran melalui TransportBN atau e-Darussalam tidak berjaya?

Antara punca-punca pembayaran online melalui TransportBN atau e- Darussalam tidak berjaya adalah seperti berikut:

- Fungsi transaksi (pembayaran) menggunakan kad kredit atau kad debit secara online belum diaktifkan;
- Baki dalam kad kredit atau kad debit tidak mencukupi; dan
- Jika berlaku “*internet connection down atau lagging*” yang menyebabkan transaksi pembayaran tidak dapat diteruskan atau tidak berjaya.

Bagi mengaktifkan fungsi transaksi *online*, awda boleh menghubungi Bank awda atau mengaktifkan melalui aplikasi mudah alih BIBD Mobile seperti berikut:

- Langkah 1: Log masuk BIBD Mobile
- Langkah 2: Tekan ‘account services’
- Langkah 3: Tekan ‘Debit Card’
- Langkah 4: Tekan ‘card Management’



Jika awda mengalami pembayaran *online* tidak berjaya, awda boleh mencuba semula tanpa perlu membuat permohonan semula dari awal melalui portal rasmi e-darussalam melalui pautan berikut: [Application Status Enquiry for Land Transport. \(www.gov.bn\)](#)

Berapa lamakah permohonan membaharui VL melalui online diproses?

Permohonan membaharui VL melalui perkhidmatan online melalui portal GOVBN dan aplikasi TransportBN akan diproses sekurang-kurangnya 7 hari waktu bekerja dan tertakluk pada pembayaran permohonan berjaya diterima pada hari tersebut.

S5. Berapa lamakah permohonan membaharui VL melalui TD123 akan siap diproses?

Permohonan melalui Talian Darussalam 123 (TD123) dan pembayaran melalui BIBD Online akan diproses sekurang-kurangnya 14 hari waktu bekerja dan tertakluk pada pembayaran permohonan berjaya diterima yang dinyatakan dalam penyata bank BIBD.

S6. Waktu operasi perkhidmatan bagi permohonan membaharui VL melalui TD123?

Orang ramai boleh membuat permohonan membaharui VL melalui TD123 pada bila-bila masa setiap hari.

S7. Bolehkah membaharui VL melalui online atau TD123 bagi kenderaan yang disenarai hitam (blacklisted) seperti pemilik kenderaan yang belum membayar kompaun bagi kesalahan lalulintas jalan raya?

Pemilik kenderaan hendaklah melunaskan dahulu bayaran kompaun untuk dikeluarkan dari senarai hitam sebelum dapat membuat permohonan membaharui VL. Pemohon boleh menghubungi talian JPD iaitu 2451980 atau 2451982 atau 2451984 semasa waktu pejabat atau emel kepada info_ltd@jpd.gov.bn, atau hubungi TD123 untuk maklumat lanjut.

S8. Adakah dikenakan caj tambahan bagi membaharui VL yang telah mansuh?

Bayaran lewat membaharui akan dikenakan iaitu bagi VL yang mansuh lebih dari 30 hari.

- S9. Apa kedudukan saya sekiranya VL saya mansuh sedangkan belum sempat menghadapkan permohonan atau sudah menghadapkan permohonan pembaharuan tetapi belum menerima VL?

Pihak Penguatkuasa undang-undang dan peraturan lalulintas jalan raya sama ada JPD atau Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mempertimbangkan untuk memberi kelonggaran untuk tidak mengenakan denda kompaun sekiranya didapati semasa memandu tanpa VL, Pemandu dapat menunjukkan bukti telah membuat permohonan atau pembayaran.

- S10. Kesilapan membuat tempoh membaharui VL semasa memohon melalui TransportBN atau e-Darussalam?.

Sila hubungi JPD di talian 2451980, 2451982 dan 2451984 semasa waktu pejabat atau emel kepada info_ltd@jpd.gov.bn, atau hubungi TD123.

- S11. Adakah saya perlu menyerahkan Buku/ Kad Pendaftaran Kenderaan untuk membaharui VL saya?

Tidak perlu.

Permohonan membaharui Lesen Memandu (DL)

- S12. Adakah saya perlu menyerahkan Sijil Kelayakkan Kenderaan bagi membaharui VL kenderaan persendirian berumur 7 tahun dan ke atas dan kenderaan komersial/ pengangkutan awam?

Tidak perlu. Stesen Pemeriksaan Kenderaan (VIS) adalah dikehendaki untuk menghantar kepada JPD melalui email awvis@jpd.gov.bn setiap keputusan pemeriksaan kelayakkan kenderaan.

- S13. Bolehkah membaharui VL melalui panggilan ke TD123 bagi kenderaan lebih dari 7 tahun dan ke atas atau kenderaan komersial/pengangkutan awam?

Boleh. Seperti lazimnya, sebelum membaharui VL pastikan kenderaan dilindungi insuran/ takaful kenderaan yang sah, lulus pemeriksaan kelayakan kenderaan, dan mempunyai Sijil Kelayakkan serta Lesen (Permit) Kenderaan Francais dan Pengangkutan Awam (KFPA) yang sah bagi kenderaan komersial/pengangkutan awam.

- S14. Bolehkah membaharui VL bagi kenderaan komersial jika Lesen KFPA (Permit) telah mansuh?

Mana-mana kenderaan yang telah mansuh Lesen/ Permit kenderaannya bermula tarikh iaitu 20 Oktober 2021 hendaklah diperbaharui seperti lazimnya. Sila klik <http://jpd.gov.bn> untuk keterangan lanjut.

- S15. Bagaimana membaharui VL bagi kenderaan agensi-agensi Kerajaan?

Bermula 20 Oktober 2021, perkhidmatan membaharui VL bagi kenderaan agensi-agensi kerajaan hendaklah melalui sistem tempahan melalui aplikasi Que-UP. JPD tidak akan menghubungi pemohon untuk sebarang perjanjian seperti sebelumnya. Pemohon hendaklah mematuhi SOP perkhidmatan pandu lalu bagi pemeriksaan kenderaan kerajaan bertempat di Pusat Pemeriksaan Kenderaan di lorong 2, Ibu Pejabat JPD Gadong.

- S16. Bolehkah membaharui VL melalui panggilan ke TD123 tanpa membuat perlindungan insuran/takaful?

Kenderaan perlu dilindungi dengan insuran atau takaful kenderaan bermotor yang sah sebelum VL boleh dibaharui.

- S17. Apa kedudukan saya sekiranya DL saya mansuh sedangkan belum sempat menghadapkan permohonan atau sudah menghadapkan permohonan pembaharuan tetapi belum menerima DL?

Pihak Penguatkuasa undang-undang dan peraturan lalulintas jalan raya sama ada JPD atau Pasukan

Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mempertimbangkan untuk memberi kelonggaran untuk tidak mengenakan denda kompaun sekiranya didapati semasa memandu tanpa DL, Pemandu dapat menunjukkan bukti telah membuat permohonan atau pembayaran.

S18. Bolehkah membaharui DL kelas 6 atau 12 melalui aplikasi mudah alih TransportBN atau portal e-Darussalam?

Permohonan membaharui DL melalui aplikasi mudah alih TransportBN atau portal e-Darussalam adalah hanya bagi DL kelas 1 dan 3 sahaja. Bagi kelas lain selain 1 dan 3 bolehlah membuat permohonan dengan menghubungi TD123 di talian 123 atau WhatsApp TD123 di talian +673 8333123 atau emel TD123 di alamat: info@123.com.bn.

S19. Bagaimana untuk membaharui DL semasa kaunter JPD ditutup bagi kunjungan orang ramai semasa COVID-19?

Perkhidmatan membaharui DL boleh dibuat melalui kaedah-kaedah berikut:

- Permohonan online melalui aplikasi mudah alih **TransportBN** atau **portal rasmi e-Darussalam www.gov.bn**; atau
- Menghubungi **TD 123** di talian 123 atau WhatsApp TD123 di talian +673 8333123 atau emel TD123 di alamat: info@123.com.bn.

Panduan infografik mengenai tatacara membaharui DL menggunakan kaedah-kaedah di atas boleh didapati melalui Instagram JPD: [jpdbrunei](#).

S20. Bagaimana membuat pembayaran bagi permohonan DL?

Pemohon yang membaharui DL melalui melalui TransportBN atau portal rasmi e-Darussalam boleh membuat pembayaran terus secara *online* menggunakan kad kredit atau kad debit dengan menekan butang “*Make Online Payment*”, manakala bagi pemohonan melalui TD123 boleh membuat pembayaran melalui aplikasi mudah alih *BIBD Mobile*.

Panduan infografik mengenai tatacara pembayaran melalui aplikasi BIBD Mobile boleh didapati melalui Instagram JPD: [jpdbrunei](#).

S21. Berapa lamakah permohonan membaharui DL melalui online diproses?

Permohonan membaharui DL melalui perkhidmatan online melalui portal GOV.BN dan aplikasi TransportBN akan diproses sekurang-kurangnya 7 hari waktu bekerja dan tertakluk pada pembayaran permohonan berjaya diterima pada hari tersebut.

S22. Berapa lamakah permohonan membaharui DL melalui TD123 akan siap diproses?

Permohonan melalui Talian Darussalam 123 (TD123) dan pembayaran melalui BIBD Online akan diproses sekurang-kurangnya 14 hari waktu bekerja dan tertakluk pada pembayaran permohonan berjaya diterima yang dinyatakan dalam penyata bank BIBD.

Perkhidmatan Pesanan Ringkas, (SMS) yang dikeluarkan oleh JPD

S23. Bagaimana membuat permohonan membaharui DL bagi warga asing dan warga emas?

Permohonan boleh dibuat dengan menghubungi TD123 di talian 123 atau WhatsApp TD123 di talian +673 8333123 atau emel TD123 di alamat: info@123.com.bn

S24. Di mana untuk membuat ujian kesihatan (*medical check*) bagi permohonan membaharui DL bagi kelas 6 atau 12?

Pemohon bolehlah membuat ujian kesihatan di klinik-klinik swasta. Borang F bagi perkara ini boleh didapatkan di Laman Sesawang JPD (www.jpd.gov.bn).

S25. Perkhidmatan pesanan ringkas, (SMS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD, MTIC).

Pada 25 Ogos 2021, SMS diperkenalkan bagi memaklumkan kepada pemilik atau pemohon yang membaharui lesen kenderaan atau lesen memandu telah siap.

Bermula 8 Oktober 2021, SMS adalah diguna pakai sebagai lesen kenderaan atau lesen memandu yang sah.

Tempoh SMS yang akan diterima oleh pemilik atau pemohon mengikut saluran perkhidmatan yang digunakan iaitu:

- 7 hari waktu bekerja bagi permohonan melalui portal GOV.BN atau aplikasi TransportBN;
- 14 hari waktu bekerja bagi permohonan melalui Talian Darussalam 123.

S26. Bagaimana cara untuk mengemaskini maklumat nombor telefon bimbit supaya dapat menerima SMS dari JPD?

Orang ramai dikehendaki untuk mengemasikini maklumat nombor talian telefon bimbit bagi memudahkan JPD menghantar SMS kepada pemilik atau pemohon bagi perkhidmatan-perkhidmatan JPD dengan klik pautan laman sesawang www.gov.bn

S27. Jika saya tidak menerima sebarang pesanan ringkas (SMS) dari JPD selepas membuat permohonan?

Jika tidak menerima SMS, 3 hari selepas membuat permohonan lesen memandu /lesen kenderaan sila maklumkan melalui melalui pautan www.jpd.gov.bn/smscheck

S28. Adakah Perkhidmatan lain selain membaharui DL and VL juga menerima pesanan ringkas?

Sementara itu, JPD juga akan menghantar SMS kepada pemohon atau pemilik kenderaan bagi perkhidmatan-perkhidmatan seperti berikut dalam tempoh 14 hari waktu bekerja:

- Pendaftaran Kenderaan Baru;
- Gantong, Penahanan Bilangan Pendaftaran Kenderaan (Holding), Serah Bilangan Pendaftaran Kenderaan dan Kondem;
- Tukar Milik, Pinjaman (Loan) dan Menamatkan Pinjaman Kenderaan (Ceased Loan);
- Tiada Penggunaan (Non-Used)
- Tawaran Tertutup (Closed Tender) Tanda Pengenalan (Bilangan Pendaftaran) Kenderaan Khas,
- Pelesenan Kenderaan Komersial dan Pengangkutan Awam dan Permit Kenderaan Lintas Batas;
- Kenderaan Kerajaan (BG).

Pemeriksaan Kelayakan Kenderaan & Status Stesen-stesen Pemeriksa Kenderaan (*Vehicle Inspection Station, VIS*)

S29. Berapa buahkah VIS yang masih beroperasi semasa situasi COVID-19 untuk Pemeriksaan Kelayakan Kenderaan?

Bagi tujuan pemeriksaan kelayakkan kenderaan untuk pembaharuan VL, sebanyak 13 VIS masih beroperasi untuk kunjungan orang ramai dengan kadar bayaran asas sebanyak \$5.00 bagi setiap pemeriksaan. Senarai lengkap boleh didapati di laman web rasmi JPD iaitu www.jpd.gov.bn. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk menghubungi VIS yang berkenaan terlebih dahulu bagi memastikan waktu operasi VIS tersebut.

13 VIS tersebut adalah seperti berikut:

- Bayu Ilham Motors Sdn Bhd
- NBT (B) Sdn Bhd
- Bengkel Kereta Berakas (BKB) Sdn Bhd
- United Motors Sdn Bhd
- Grand Motors Sdn Bhd
- GHK Motors Sdn Bhd
- Jati Transport Sdn Bhd
- HB Auto Inspection & Services
- QAF Auto Sdn Bhd
- QAF Eurokars Sdn Bhd
- BTOP Motors Sdn Bhd
- M-HO Auto Engineering Services Sdn Bhd
- Syarikat JYM

S30. Dimana membuat pemeriksaan kelayakkan kenderaan bagi kenderaan komersial seperti bas, lori dan sebagainya?

Kenderaan-kenderaan komersial boleh membuat pemeriksaan kelayakkan kenderaan di VIS-VIS tertentu seperti lazimnya.

S31. Bagaimana membuat pemeriksaan kelayakkan kenderaan jika Buku/Kad Pendaftaran Kenderaan masih disimpan di Bank atau JPD?

Mengambil kira situasi jangkitan wabak COVID-19 di Negara ini dan beberapa perkhidmatan seperti pengambilan Buku/ Kad Pendaftaran Kenderaan dari Bank ditutup sementara, Pemohon boleh membuat pemeriksaan kelayakkan kenderaan dengan membawa salinan Buku/ Kad Pendaftaran Kenderaan yang ada.

Pemohon boleh menghubungi talian JPD iaitu 2451980 atau 2451982 atau 2451984 semasa waktu pejabat, atau emel kepada info_ltd@jpd.gov.bn, atau hubungi TD123 untuk sebarang pertanyaan lanjut.

Pembelajaran Sekolah Memandu

S32. Bagaimana mengikuti kelas belajar memandu bagi pemohon baru?

Sekolah-Sekolah Memandu adalah digalakkan untuk menjalankan Kelas *Highway Code* secara atas talian. Penuntut-Penuntut boleh menghubungi Sekolah Memandu masing-masing bagi mengetahui perkara ini dengan lebih lanjut.

S33. Bagaimana saya hendak menjalani ujian bertulis *Highway Code* dan Ujian Memandu secara praktikal?

Bermula 14 September 2021, JPD akan mula memberikan perkhidmatan ujian bertulis *Highway Code* dikendalikan secara atas talian dan menghadkan 30 pelajar setiap sesi.

Pendaftaran Kenderaan

S34. Bolehkah mendaftar kenderaan pada masa ini?

Sejak 23 Ogos 2021, perkhidmatan Pendaftaran Kenderaan adalah dibuka semula mengikut tatacara yang ditetapkan yang telah dipersetujui antara JPD dan Persatuan Peniaga Automobil Brunei (BATA). Tatacara ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut

perkembangan semasa COVID-19 di negara ini.

Manakala bagi pendaftaran kenderaan terpakai tempatan telah dibuka semula pada 21 September 2021, sesuai mengikut tatacara yang ditetapkan dan urusan cuma melalui agen-agen kenderaan terpakai tempatan sahaja.

Perkhidmatan-Perkhidmatan baru dibuka semula melalui drop pandu lalu

S35. Apakah jenis-jenis perkhidmatan yang dibuka kepada orang ramai melalui kaedah pandu lalu?

Bermula, 20 Oktober 2021, JPD telah membuka semula perkhidmatan-perkhidmatan yang ditangguhkan dengan perkhidmatan *drop* melalui kaedah pandu lalu.

- Gantong, Penahanan Bilangan Pendaftaran Kenderaan (Holding), Serah Bilangan Pendaftaran Kenderaan dan Pembatalan Pendaftaran Kenderaan (Kondem);
- Tukar Milik, Pinjaman (Loan) dan Menamatkan Pinjaman Kenderaan (Cease Loan);
- Tiada Penggunaan (Non-Used);
- Tawaran Tertutup (Closed Tender) Tanda Pengenalan (Bilangan Pendaftaran) Kenderaan Khas;
- Perlesenan Kenderaan Komersial dan Pengangkutan Awam dan Permit Kenderaan Lintas Batas;
- Kenderaan Kerajaan (BG);

S36. Apakah garispandu yang perlu dipatuhi untuk perkhidmatan drop pandu lalu JPD?

Keterangan lanjut mengenai perkhidmatan *Drop* melalui kaedah pandu lalu dalam bentuk video di laman sesawang www.jpd.gov.bn.

S37. Dimana boleh mendapatkan borang- borang untuk perkhidmatan Pandu Lalu?

Borang boleh didapati melalui laman sesawang www.jpd.gov.bn

Perlesenan Kenderaan Komersial Dan Pengangkutan Awam (PKKPA)

S38. Bagaimana membuat permohonan membaik Lesen (Permit) Kenderaan Francais dan Perkhidmatan Awam (KFPA)?

Bermula 20 Oktober 2021, membaik permit bolehlah dibuat melalui Drop Pandu Lalu

S39. Bagaimana kedudukan permohonan Lesen/ Permit KFPA dan Permit Kenderaan Lintas Batas yang dihadapkan sebelum penutupan kaunter JPD?

Bagi permohonan lesen dan Permit yang dihadapkan sebelum penutupan kaunter PKKPA, Sijil/Kebenaran akan dihantar kepada pemohon melalui emel. JPD akan menghubungi pemohon mengenainya. Pemohon bolehlah mengambil sijil/kebenaran asal apabila kaunter perkhidmatan PKKPA Jabatan ini dibuka semula pada tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Pelekat Pas Kenderaan Daftar Luar Negara (PKDLN)

S40. Bagaimana untuk membaik pelekat PKDLN semasa kaunter JPD ditutup bagi kunjungan orang ramai semasa COVID-19?

Permohonan membaik Pelekat PKDLN masih boleh dibuat secara *online* seperti lazimnya melalui aplikasi mudah alih TransportBN atau e-Darussalam. Manakala, pembayaran nya hanya boleh dibuat

secara *online* melalui aplikasi BIBD Mobile dan Pelekat PKDLN yang siap akan dihantar kepada Pemohon melalui perkhidmatan Pos Laju dengan bayaran \$3.00.

Pengangkutan Awam (Bas Awam dan Teksi/Dart)

S41. Adakah Bas Awam atau Teksi masih beroperasi pada masa ini?

Bas Awam pada masa ini masih beroperasi pada kadar kapasiti tempat duduk kenderaan tidak melebihi 50%. Manakala bagi Teksi atau Dart, hanya 1 Pemandu dan 1 penumpang sahaja dibenarkan dalam setiap perjalanan.

Selain daripada itu, setiap penumpang adalah diperlukan untuk mematuhi SOP-SOP COVID-19 Pengangkutan Awam seperti mengimbas kod QR Bruhealth, memakai sungkup muka, memeriksa suhu badan, duduk dikerusi yang ditetapkan bagi penjarakkan fizikal, menggunakan hand sanitizer dan sebagainya.

Tanda Pengenalan Kenderaan

S42. Apakah yang dimaksudkan Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan (Bilangan Pendaftaran) kenderaan khas?

Tanda Pengenalan (Bilangan Pendaftaran) kenderaan Khas ini adalah Bilangan Pendaftaran Kenderaan satu (1) dan dua(2) angka. Syarat-syarat tawaran, tatacara menghadapkan permohonan dan membuat pembayaran serta senarai bilangan pendaftaran yang ditawarkan boleh didapati melalui laman seswang www.jpd.gov.bn/Nomborkhas/

S43. Bilakah boleh mendapatkan Bilangan Pendaftaran Kenderaan (NomborKU) semasa pandemik COVID-19?

Merujuk Siaran Media pada 6 November 2021, JPD telah membuka permohonan untuk mendapatkan Bilangan Pendaftaran Kenderaan Melalui kaedah pandu lalu pada 8 November 2021 dengan membuat tempahan melalui aplikasi Que-Up Terlebih dahulu. Dan Borang permohonan boleh di dapat melalui : www.jpd.gov.bn/BorangNomborKu

S44. Bagaimanakah cara pembayaran untuk mendapatkan Bilangan Pendaftaran NomborKu?

Pembayaran boleh dibuat menggunakan kad debit/kredit atau melalui aplikasi “BIBD Online Payment” yang akan di “Screenshot” oleh pemohon dan di emel dan pegawai yang hadir akan mensahkan tempahan atau “award” nombor pendaftaran tersebut kedalam sistem pada waktu yang sama.

Pertanyaan AM

S45. Pertanyaan Am mengenai perkhidmatan JPD

Orang ramai bolehlah menghubungi talian JPD iaitu 2451980 atau 2451982 atau 2451984 semasa waktu pejabat, atau emel kepada info_ltd@jpd.gov.bn, atau hubungi TD123.



Dokumen yang diperlukan bagi perkhidmatan-perkhidmatan drop pandu lalu mengikut jenis perkhidmatan,

A. Permohonan Perkhidmatan Gantong Bilang Pendaftaran Kenderaan?

Untuk perkhidmatan ini terdapat 2 kali proses penghantaran drop pandu lalu seperti berikut:

Penghantaran proses pertama -Permohonan Gantong

- Borang TPK6 Permohonan Gantung Nombor yang lengkap diisi (termasuk alamat emel dan nombor telefon bimbit);
- Salinan Kad/Buku Pendaftaran Kenderaan;
- Salinan kad pengenalan pemohon;
- Borang TPK3 Permohonan Nombor Selari (Running Number) jika menggunakan Nombor Selari;
- Surat/Borang Bilangan Pendaftaran (contoh: Surat Berjaya Tawaran Tertutup/Borang Tawaran Terbuka/Surat kebenaran Menggantung Bilangan Pendaftaran/Borang Penahanan Bilangan Pendaftaran) jika memiliki bilangan Pendaftaran tersendiri;
- Cetak Screenshot bayaran berasingan (bayaran gantung \$55 + bayaran Endos VL \$10 + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/\$4 bagi luar daerah);

Penghantaran proses kedua-Dokumen yang akan diberikan kemudian.

- Kad/Buku Pendaftaran Kenderaan asal;
- Surat kebenaran tukar nombor asal;
- Insuran dengan nombor baru asal;
- Surat kebenaran penukaran Bilangan Pendafataran Kenderaan dari institut kewangan;
- Cetakan Screenshot bayaran berasingan (bayaran endos VL \$10 + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/\$4 bagi luar daerah);
- Laporan pemeriksaan tukar Bilangan Pendaftaran Bilangan dari VIS bersama gambar kereta 4 sudut serta engrave menggunakan Bilangan Pendaftaran baru. Nota: Syarikat VIS yang dilantik untuk membuat engrave Tukar Bilangan Pendaftaran adalah BKB, Bayu Ilham, M-HO, JYM dan Btop sahaja.

B. Permohonan Perkhidmatan Penahanan Bilangan Pendaftaran Kenderaan

- Borang TPK4 Permohonan Penahanan Bilangan Pendaftaran yang lengkap diisi (sila isikan 2 salinan);
- Surat/Borang Bilangan Pendaftaran (contoh: Surat Berjaya TawaranTertutup/Borang Tawaran Terbuka/Surat kebenaran menggantung Bilangan Pendaftaran/Borang Penahanan Bilangan Pendaftaran);
- Screenshot Bayaran berasingan (Bayaran Serah Bilangan Pendaftaran);
- \$60 + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/\$4 bagi luar daerah);
- Salinan Sijil Perniagaan atau Kad Pengenalan pemohon dan hendaklah ditandatangani.

C. Permohonan Perkhidmatan Serah Bilangan Pendaftaran Kenderaan

- Borang TPK5 Permohonan Serah Bilangan Pendaftaran yang lengkap diisi (sila isikan 2 salinan);
- Surat/Borang Bilangan Pendaftaran (contoh: Surat Berjaya Tawaran Tertutup/Borang Tawaran

Terbuka/Surat kebenaran menggantung Bilangan Pendaftaran/Borang Penahanan Bilangan Pendaftaran);

- Cetakan screenshot bayaran berasingan (bayaran serah bilangan pendaftaran);
- \$5 + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/ \$4 bagi luar daerah);
- Salinan Sijil Perniagaan atau Kad Pengenalan penyerah dan penerima hendaklah di tandatangani.

D. Permohonan Perkhidmatan Kenderaan Tidak digunakan (Non-Used Vehicle)

- Borang Permohonan Non-Used yang lengkap di isikan;
- Kad biru/Buku Pendaftaran Kenderaan (Blue Card/Vehicle Registration Book);
- Cetakan screenshot bayaran berasingan (bayaran Non-Used \$5 + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/ \$4 bagi luar daerah);
- Salinan sijil perniagaan atau kad pengenalan pemohon.

E. Permohonan Perkhidmatan Pembatalan Pendaftaran (Kondem) Kenderaan

- Borang Permohonan Pembatalan Pendaftaran kenderaan (kondem) yang lengkap di isikan;
- Kad Biru/Buku Pendaftaran Kenderaan (Blue Card/Vehicle Registration Book);
- Screenshot bayaran berasingan (bayaran kondem \$5 + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/\$4 bagi luar daerah);
- Salinan sijil perniagaan atau kad pengenalan pemohon;
- Bagi permohonan **kondem** dan **serah bilangan pendaftaran** sila isikan ruang yang disediakan dalam borang permohonan nama orang yang akan diserahkan bilangan pendaftaran berkenaan. (sertakan salinan ic);
- Pembayaran tambahan serah bilangan pendaftaran \$5;
- Bagi permohonan **Kondem** dan **serah enjin** kenderaan sila isikan ruang yang disediaka, nama dan nombor enjin yang akan diserahkan (sertakan salinan kad pengenalan dan Kad Biru/Buku Pendaftaran Kenderaan yang akan menerima enjin berkenaan) – pembayaran tambahan serah enjin \$5.

F. Permohonan Perkhidmatan Tukar Milik Kenderaan

- Borang Permohonan Tukar Milik yang lengkap di isikan;
- Salinan Kad Pengenalan pemilik lama beserta tandatangan dan pemilik baru beserta tandatangan;
- Salinan lesen memandu pemilik baru (penerima);
- Insuran atas nama pemilik baru;
- Kad biru/Buku Pendaftaran Kenderaan asal;
- Laporan VIS, gambar 4 penjuru, gambar enjin dan rangka;
- Surat menamatkan pinjaman (Cease Loan) dari institut kewangan (jika ada pinjaman);
- Jika melalui pinjaman, surat notis pinjaman (Notification of claim Loan);
- Cetakan Screenshot bayaran berasingan \$5 (Tukar Milik) + \$5 (Ceased Loan) +
- \$5 (Loan) + Bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/ \$4 bagi luar daerah);

- Jika berkenaan: salinan sijil kematian dan surat tuntutan waris dari Mahkamah.

G. Permohonan Perkhidmatan Pinjaman (Loan) dan Menamatkan Pinjaman Kenderaan (Ceased Loan)

Permohonan Pinjaman (Loan)

- Kad Biru/Buku Pendaftaran kenderaan (Bluecard/Bluebook) asal ;
- Surat Notis Pinjaman (Notification of Loan);
- Screenshot bayaran berasingan \$5 (Loan) + Bayaran penghantaran;
- \$3 bagi dalam daerah/ \$4 bagi luar daerah).

Permohonan Habis Pinjaman (Cease Loan)

- Kad Biru/Buku Pendaftaran kenderaan (Bluecard/Bluebook) asal;
- Surat menamatkan pinjaman (cease loan) dari institut Kewangan yang berkaitan;
- Cetakan screenshot bayaran berasingan \$5 (Habis Loan) + bayaram penghantaran \$3 bagi dalam daerah/ \$4 bagi luar daerah);
- Screenshot bayaran berasingan \$5 (tukar milik) + \$5 (ceased loan);
- + \$5 (Loan) + bayaran penghantaran \$3 bagi dalam daerah/ \$4 bagi luar daerah);
- Jika berkenaan: Salinan Sijil kematian dan surat tuntutan waris dari Mahkamah.

H. Permohonan Mendapatkan Lesen Kenderaan/ Membaharui Perkhidmatan Awam

- Sila pastikan [borang permohonan baru /membaharui](#) telah diisikan dengan lengkap.
- Sila pastikan dokumen yang diberikan adalah terkini, betul, lengkap dan tersusun.
- Pastikan screenshot pembayaran menggunakan aplikasi BIBD App disertakan di dalam setiap permohonan
- Setiap permohonan akan dikenakan bayaran caj pentadbiran sebanyak \$5 untuk sebuah kenderaan + \$3 (Daerah Brunei-Muara) atau \$4 (Daerah lain) untuk caj penghantaran.
- Permohonan akan diproses hanya berdasarkan maklumat dan dokumen yang di kemukakan di dalam borang permohonan.
- Senarai semak boleh di dapat melalui laman sesawang : www.jpd.gov.bn/pkkpa.

I. Permohonan Mendapatkan Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam, Lintas Batas (Cross-Border)

- Sila pastikan borang permohonan telah diisikan dengan lengkap.
- Sila pastikan dokumen yang diberikan adalah terkini, betul, lengkap dan tersusun.
- Setiap permohonan akan dikenakan bayaran caj pentadbiran sebanyak \$5 untuk sebuah kenderaan + \$3 (Daerah Brunei-Muara) atau \$4 (Daerah lain) untuk caj penghantaran.
- Permohonan akan diproses hanya berdasarkan maklumat dan dokumen yang di kemukakan di dalam borang permohonan.
- Senarai semak boleh di dapat melalui laman sesawang : www.jpd.gov.bn/pkkpa

J. Tatacara pembayaran melalui *online* BIBD bagi perkhidmatan-perkhidmatan JPD.



Untuk Reference No.3 :

Bagi Permohonan **proses gantong 1** masukkan dengan menaip : **RETAINED IM BBB1231**

Bagi Permohonan **proses gantong 2** masukkan dengan menaip : **ENDOS VL BBB1232**

Bagi Permohonan **Penahanan** masukkan dengan menaip : **HOLDING BBB1233**

Bagi Permohonan **Serah TPK** masukkan dengan menaip : **SERAH TPK BBB1234**

Bagi Permohonan **Non Used** masukkan dengan menaip : **NUV BBB1235**

Bagi Permohonan **Kondem** masukkan dengan menaip : **KONDEM BBB1236**

Untuk Reference No.3 :

Bagi Permohonan **Kondem** masukkan dengan menaip : **KONDEM BBB1236**

Bagi Permohonan **Kondem Serah** masukkan dengan menaip : **KONDEM SERAH BBB1237**

Bagi Permohonan **Serah Enjin** masukkan dengan menaip : **SERAH ENJIN BBB1238**

Bagi Permohonan **Tukar milik** masukkan dengan menaip : **TVO BBB1239**

Bagi Permohonan **Pinjaman (loan)** masukkan dengan menaip : **LOAN BBB1230**

Bagi Permohonan **Menamatkan Pinjaman** masukkan dengan menaip : **CEASE LOAN BBB123**

Bagi Permohonan **NomborKu** masukkan dengan menaip : **NomborKu BBB123**

CONTOH CARA MENGISI PEMBAYARAN PERMOHONAN PERMIT (KFPA)

Reference No.1 : Masukkan **Nama** Pemohon

Reference No.2: Masukkan **Nama Penuh Syarikat**

Reference No.3: Bagi Permohonan **Baharu** masukan **PKKPA NP** diikuti dengan **Nombor pendaftaran Kenderaan**.

Contoh: **PKKPA NP BBB9876**

Untuk Reference No.3 :

Bagi Permohonan **Baharu** masukkan dengan menaip : **PKKPA NP BBB1238**

Bagi Permohonan **Membaharui** masukkan dengan menaip : **PKKPA RP BBB1238**


Bagi Permohonan **Pembatalan** masukkan dengan menaip : **PKKPA CP BBB1238**

K. Bagaimana cara membuat tempahan JPD pandu lalu ?


Muat-turun aplikasi Que-Up melalui:




1. Pilih JPD Drive-Thru




2. Masukan nama dan nombor telefon bimbit




3. Pilih JPD Headquater, Gadong dan pilih perkhidmatan dikehendaki




4. Tempah Masa




5. Tempahan disahkan




6. Tempahan berjaya



7. SOP Pandu Lalu



8. Barcode Tempahan



Nota:

Setiap seorang pemohon hanya akan dibenarkan menempah 2 slot Que-up dalam tempoh masa 7 hari. Selepas 7 hari pemohon boleh buat tempahan lagi.